

**KONTEKS, INPUT, PROSES DAN HASIL PENGGUNAAN
KAEDAH ILUSTRASI KOMIK TERHADAP PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH
DI SALAH SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH
PAPAR: SATU KAJIAN KES.**

AZALINA ABDUL WAHAP



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Disertasi Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah
Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

ABSTRAK

KONTEKS, INPUT, PROSES DAN HASIL PENGGUNAAN KAEDAH ILUSTRASI KOMIK TERHADAP PELAJAR TINGKATAN EMPAT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI SALAH SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH PAPAR: SATU KAJIAN KES.

Kajian ini bertujuan menilai konteks, input, proses dan hasil penggunaan kaedah ilustrasi komik dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di salah sebuah sekolah di daerah Papar, Sabah. Seramai enam orang pelajar tingkatan Empat iaitu pelajar dari tingkatan empat A, empat B dan Empat C dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Objektif kajian adalah menilai konteks, input, pelaksanaan dan hasil penggunaan kaedah ilustrasi komik dalam pengajaran-pembelajaran Sejarah di kalangan pelajar tingkatan empat melalui Model CIPP. Respon pelajar melalui pemerhatian, rakaman video, temubual digunakan sebagai maklumbalas hasil pembelajaran pelajar dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran Sejarah. Di samping itu, objektif lain ialah mengetahui penggunaan kaedah Ilustrasi komik dapat meningkatkan motivasi pelajar terhadap subjek Sejarah serta mengenalpasti penggunaan kaedah ilustrasi komik dapat membantu pelajar untuk mempelajari matapelajaran Sejarah. Proses pengutipan dilakukan secara berperingkat dimana proses pengutipan data dilaksanakan terlebih dahulu mengikut kaedah temubual berstruktur. Hasil temubual mengalami proses koding dan memoing dilakukan sebelum hasil kutipan data pada peringkat seterusnya. Selain itu, kaedah pemerhatian dilakukan oleh penyelidik untuk memerhati pola perlakuan pelajar. Pemerhatian juga dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian dan rakaman video untuk memerhati pola perlakuan pelajar. Selain itu, informan juga memberikan pendapat bahawa guru kurang menggunakan dan mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam kelas. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan ilustrasi komik, penyelidik melakukan rakaman video dan hasil dapatan pemerhatian tersebut menunjukkan informan lebih gemar melakukan pembelajaran secara berkumpulan dan seronok untuk menghasilkan idea ilustrasi komik. Majoriti informan berpendapat bahawa kaedah ini memudahkan pelajar untuk memahami subjek Sejarah dengan lebih baik. Implikasi dapatan ini berhubung dengan penilaian penggunaan kaedah komik dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah amat penting untuk guru merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dan efektif supaya pelajar terus meminati dan mencapai kecemerlangan akademik. Dengan menggunakan kaedah ilustrasi komik ini, guru mempelbagaikan teknik dan mutu pengajaran yang bersesuaian berfokuskan tahap kefahaman dan aras pelajar, mewujudkan suasana yang kondusif, menarik dan seronok kepada pelajar yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

ABSTRACT

Context, Input, Process and Output Of Comic Illustration On Form Four Students In Teaching And Learning History Subject In One Of The Secondary School In Papar: A Case Study.

The purpose of the research is to assess contexts, input, process and the output of using comic illustration method in teaching and learning History subject in one of the secondary school in Papar, Sabah. There are six students from form Four were selected as informants in this research. They were students from 4A, 4B and 4C. The objectives of the research is to assess contexts, input, performance and the output of using illustration of comic method in teaching and learning History subject among the form four students through Model CIPP. Students gave respond through observation, video recording and interview feedback of students learning History subject. Another objective is to increase students motivation in learning History subject and also to identify the using of the methods can helps students in learning History subject too. Process of collecting data were carried out step by step whereby process of collecting data were the first step according to the method of structured interview. Before collecting data for next level, process of coding and memoing were carried out. After the informants did illustration of comic, they will be interviewed again through half structured interview. Besides, observation method was did by researcher who observed about students attitude. Observation form and video recording were used to observed and to record about the students attitude. Besides, informants also gave opinions about teachers who less use and diversity methods of teaching in the class. When the method of illustration of comic was carried out during process of teaching and learning, the researcher did video recording and the result of finding observation was showed the informants prefer learning in group and felt more fun in making illustration of comic. Majority of the students gave opinion about this method which facilitate them to understand the history subject better. The finding of implication due to assessment of using comic method in teaching and learning History is very important for teachers who want to plan method teaching and learning effectively so that students will feel interested and achieve excellent result in academic. With the existence of emphasis in using the method of illustration for assessment, teacher can increase their effort to facilitate techniques and quality of teaching which is focus on students understanding and their level. A teacher should know about students' interest in learning. Based on the research, teachers must always improve their weakness to become a creative teacher who can create on condusive, attractive and fun environment for students in teaching and learning session.